

Hujan berkurangan pada pertengahan Jun

JABATAN Meteorologi meramalkan hujan berlaku sepanjang dua minggu ini kecuali di negeri utara semenanjung negara.

Pengarah Khidmat Korporat dan Komersial Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia), Dr Mohd Hisham Mohd Anip berkata, negara masih berada dalam Monsun Barat Daya dan setakat ini hujan masih berlarutan.

"Bagaimanapun menjelang pertengahan Jun ini, hujan diramalkan akan berkurangan dan negara akan berdepan cuaca kering dengan panas yang tidak melampau berikutan matahari condong ke utara.

"Cuaca kering pada tahun ini dijadualkan tidak seperti Mac dan April tahun lalu hingga menyebabkan kepanasan melampau ekoran matahari berada tegak di negara kita," katanya kepada Sinar Hariann bagi mengulas perkembangan cuaca negara pada minggu ini.

Menurutnya, selepas pertengahan Jun, ribut petir juga diramalkan akan berkurangan.

"Jika negara jiran Indonesia berdepan fenomena El Nino dengan cuaca yang kering hingga berlakunya kebakaran, kita bimbang ia akan memberi kesan jerebu merentasi sempadan kepada negara kita.

"Dua kawasan iaitu utara Sarawak dan Sabah berkemungkinan dilanda jerebu ekoran cuaca panas dan kering," katanya.